



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 14 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TERENGGANU FOKUS INDUSTRI MAKANAN 2021, FIKRAH, HAKAKAH -H18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	PERLUKAH NFC DIHIDUPKAN KEMBALI?, NASIONAL, SH -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	KELANTAN LAKSANA SEMULA SISTEM LEMBU PAWAH, KELANTAN, HAKAKAH -H12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	MAQIS SALUR MAKLUMAT KEPADA SPRM, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -17	
5.	TAMBAH BAIK PROSEDUR IMPORT BARANG HALAL, FORUM, UM -19	
8.	PASAR MINI NEKMAT TAMAN WAHYU DILANCAR, BISNES, SH -23	PERSTUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
9.	BANGKIT USAHA TANAM TERUNG, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2021	HARAKAH	FIKRAH	H18



Dr Azman Ibrahim pada program melabuh tukun tiruan.

Terengganu fokus industri makanan 2021

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu mewujudkan jaminan industri makanan dengan melaksanakan Tahun Pertanian Terengganu 2021.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri Dr Azman Ibrahim berkata, peruntukan sebanyak RM20 juta disenarai dalam Belanjawan Terengganu 2021.

Katanya, jumlah itu meningkat dengan ketara berbanding sebanyak RM5 juta pada 2019 dan RM8 juta (2020).

“Daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor pertanian ketika itu ialah negatif 2.5 peratus, kita berjaya meningkatkan KDNK kepada 6 peratus,” jelasnya di sini.

Kata beliau kejayaan itu membuktikan sektor pertanian mampu menjadi di antara penyumbang utama kepada peningkatan KDNK negeri di samping sektor perkhidmatan.

Dr Azman juga berkata, kerajaan negeri melaksanakan program memperkaya sumber perikanan dengan melabuh unjam dan tukun serta melepaskan benih-benih ikan di perairan.

Menurutnya, pelabuan unjam dan tukun banyak membantu nelayan menghadapi kesukaran musim tengkujuh.

“Kita fokus program tukun dan unjam dengan menempatkannya di sekitar lima batu nautika dari pantai.

“Kita mahu supaya jaraknya dekat kerana apabila musim tengkujuh, nelayan boleh keluar mencari ikan di kawasan unjam dan tukun,” katanya.

Beliau yang juga Adun Jabi itu menambah, walaupun program tersebut di bawah bidang kuasa persekutuan, namun Terengganu tetap menyumbang untuk kebaikan nelayan tempatan.

Pada tahun 2019 dan 2020, kerajaan negeri menyumbang sekitar RM300,000

bagi memperkayakan sumber perikanan, dan tahun ini meningkat kepada RM1 juta.

“Selain itu kita turut peruntukan RM4 juta bagi penyelenggaraan sawah padi terutamanya pengairan berbanding RM800,000 tahun lepas.

“Ini menggambarkan kerajaan negeri serius memastikan peningkatan kadar sara diri makanan ruji, iaitu sekitar 70 hingga 80 peratus,” ujarnya.

Perluakah NFC dihidupkan kembali?



ANALISIS

LIZA MOKHTAR

Tahun 2020 telah kita tinggalkan dengan seribu satu pengalaman pahit, namun masih ada perkara yang menuntut jawapan dan penyelesaian demi kebaikan bersama rakyat Malaysia.

Isu paling panas penghujung tahun lalu sudah tentulah pembongkaran kartel daging haram yang menggemparkan rakyat negara ini.

Pembongkaran *Sinar Harian* mendedahkan kira-kira 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta yang dibungkus semula dengan kotak berlogo halal palsu berjaya dirampas dalam serbuan bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sebuah gudang di Senai, Johor.

Laporan itu turut mendapati daging sejuk beku tersebut dibawa masuk dari abatoir dan loji pemrosesan di negara yang tidak diiktiraf oleh Malaysia.

Sedih sekali apabila memikirkan kemungkinan rakyat telah termakan daging yang tidak halal dan lebih parah lagi bagaimana perkara seumpama itu boleh terjadi di sebuah negara yang majoritinya penduduknya beragama Islam?

Menurut Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr Shamsul Azahari Zainal Badari, kegiatan kartel daging haram itu berlaku akibat sifat tamak segelintir pihak yang banya mementingkan keuntungan tanpa memikirkan kemudaratan terhadap penggu-

na.

"Bagi mereka, pengguna akan tetap membeli produk asalkan ada logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) walaupun logo tersebut palsu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sekiranya diperhalusi, satu sebab mengapa kartel durjana itu berjaya menjalankan taktik licik mereka di negara ini adalah kerana Malaysia tidak mempunyai hab pengeluaran daging halal sendiri.

Malaysia telah berusaha menjadi sebuah negara hab halal di peringkat antarabangsa sejak tahun 2010 menerusi beberapa inisiatif kerajaan antaranya bantuan dan kemahiran kepada pengusaha produk makanan halal terutamanya kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Namun hab pengeluaran daging halal tidak ada disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kadar sara diri hasil ternakan bagi daging untuk Malaysia adalah rendah.

"Data daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia pada tahun 2016 mendapati negara hanya mampu mengadakan bekalan daging sebanyak 22.44 peratus, manakala selebihnya perlu diimport daripada negara luar.

"Ini menunjukkan bahawa permintaan terhadap daging melebihi penawaran yang disediakan," ujar Shamsul Azahari lagi.

Kedua, kos penternakan yang tinggi menyebabkan kebanyakan penternak terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk memastikan ternakan mereka berada dalam keadaan sihat.

Disebabkan kos yang tinggi ini, daging lembu tempatan terpaksa dijual dengan harga yang lebih mahal.

Seterusnya, proses mendapatkan pengesahan halal daripada pihak berautoriti adalah lama dan selain memerlukan kos yang tinggi.

"Masalah birokrasi juga memberi kesan kepada pengeluaran daging tempatan. Ini menyebabkan ada peniaga



Timbul persoalan adakah projek NFC dihidupkan kembali untuk menampung keperluan bekalan daging di Malaysia. - Gambar hiasan

daging lebih suka mendapatkan sumber daging dari luar kerana tidak perlu melalui proses pengesahan yang merumitkan," katanya lagi.

Tegas beliau, untuk menjadi hab pengeluaran daging halal sendiri, Malaysia perlu mengurangkan kos penternakan dengan menghasilkan produk makanan ternakan tempatan, meningkatkan penyelidikan dalam bidang penjagaan kesihatan haiwan ternakan, mempercepatkan proses pengeluaran pengesahan halal dan mengurangkan caj perkhidmatan serta birokrasi.

Penternak juga digalakkan bersatu di dalam mengusahakan penternakan mereka melalui pertubuhan koperasi dan gabungan.

Proaktif

Di sebalik kontroversi yang berlaku, timbul persoalan adakah perlu Pusat Fidlot Nasional (NFC) yang ditubuhkan pada tahun 2006 bagi meningkatkan pengeluaran daging tempatan negara diwujudkan kembali bagi mengatasi masalah ini.

"NFC tidak perlu diwujudkan. Tetapi, agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jakim perlu menjadikan isu ini sebagai alternatif untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan," katanya lagi.

Sekiranya setiap agensi memainkan peranan dengan proaktif maka Malaysia berpeluang meningkatkan kadar sara diri hasil ternakan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan daging luar negara.

Menyoroti kembali sejarah NFC, ia gagal mencapai objektif penubuhan antaranya untuk menyediakan sebanyak 8,000 ekor lembu pada tahun 2010 selepas terpalit dengan pelbagai isu penyelewengan wang berjumlah RM250 juta.

Dalam pada itu, mantan Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub mengemukakan sekiranya terdapat syarikat-syarikat besar sama ada dari dalam atau luar negara yang berminat mahu menghidupkan kembali NFC.

"Namun harus dipastikan syarikat-syarikat itu benar-benar cekap dan berkemampuan bagi memastikan objektif asal NFC menampung keperluan bekalan daging untuk pasaran tempatan dapat dicapai," kata Salahuddin kepada *Sinar Harian*.

Namun sekiranya tidak diwujudkan kembali NFC maka kerajaan perlu membantu misalnya dengan memberi pelbagai insentif kepada mana-mana syarikat-syarikat baru dalam usaha untuk terus meningkatkan Self Sufficient Level (SSL).

Memegang portfolio Menteri Pertanian bermula Mei 2018 hingga Februari 2019, Salahuddin berkata, beliau sempat menjenamakan kembali Program Lembu Pawah kepada Program Rezeki Ternak apabila usahawan ternak dibekalkan dengan 10 ekor lembu dengan objektif meningkatkan pengeluaran daging tempatan.

"Saya rasa program tersebut perancangan paling praktikal untuk kita cuba melonjakkan bekalan daging tempatan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat, Fahmi Fadzil berkata, kerajaan perlu memperkukuhkan industri daging tempatan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap daging import.

Bagaimanapun Ahli Parlimen Lembah Pantai itu turut menegaskan, kesiapan yang telah berlaku dalam NFC yang akhirnya menjadikan projek itu ibarat projek gajah putih haruslah dijadikan pengajaran.

"Pada saya, memang seharusnya industri daging tempatan ditambah dan diperkukuh, jaringan kartel daging haram ini juga harus dihapuskan sepenuhnya dan kesiapan NFC itu sendiri tidak diulangi," kata Fahmi.

Statistik import daging lembu dan kambing di Malaysia

Makanan	Jan-April 2019		Jan-April 2020		Negara pengeksport utama
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (RM juta)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (RM juta)	
Daging lembu	52,486.8	634.2	60,937.8	801.6	India
Daging kambing	12,346.9	280	18,992.4	445	Australia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kelantan laksana semula sistem lembu pawah

KOTA BHARU: Kelantan mengimport 1,952 ekor lembu dari Thailand, Kemboja dan Vietnam untuk ditenak dan 'digemukakan' bagi memastikan bekalan daging tempatan di pasaran tempatan mencukupi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, Kelantan merupakan transit sebelum dihantar ke negeri lain.

Katanya, ia menunjukkan peningkatan pada 2020 berbanding 2019 iaitu 1,520 ekor dibawa masuk melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan.

"Sehingga kini secara puratanya, Kelantan menghasilkan kira-kira 90,000 ekor lembu untuk ditenak dan digemukakan sebagai bekalan daging seluruh Malaysia.

"Lembu tersebut ditenak di Rantau Panjang dan Pasir Mas kerana mempunyai banyak tempat subur, sekarang kita ada 30 lokasi penternakan aktif dalam skala sederhana iaitu 1,000 ekor ke bawah," katanya baru-baru ini.

Media sebelum ini me-



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail meninjau kerja-kerja menaik taraf jalan di Kampung Gong Jering.

laporkan mengenai sindiket daging import yang dipercayai membawa masuk daging yang diragui status halal dari negara yang dilarang pengimportannya.

Tuan Mohd Saripudin berkata, pada tahun ini kerajaan negeri komited memperkasakan lagi sektor penternakan lembu tempatan bagi menambah bekalan daging.

Bagi merealisasikan hasrat itu kata beliau lagi, pihaknya akan memberi tumpuan kepada memperbanyakkan kandang fidlot dan bridlot.

"Kerajaan negeri akan memperluaskan sektor terabit di tanah terbiar dan tanah rizab kerajaan bagi penternakan serta kawasan penanaman rumput khusus-

nya sepanjang Sungai Kelantan.

"Penternakan secara tradisi dengan melaksanakan sistem pawah bermula 1990 dalam kalangan penternak bakal diperkenalkan semula bagi meningkatkan lagi populasi induk lembu," ujamnya.

Malah beliau berkata, inisiatif tersebut mula mendapat perhatian dari 45 Pusat Khidmat Dun (PKD) dan agensi kerajaan negeri yang memohon untuk membangunkan ladang ternakan lembu.

"Kita akan buka untuk membantu pihak PKD dan agensi kerajaan yang

memohon untuk membangunkan ladang ternakan lembu salah satunya di Paloh Gua Musang," katanya.

14/1/2021

SINAR
HARIANMAHKAMAH &
JENAYAH

17

Maqis salur maklumat kepada SPRM



Sebuah gudang daging sejuk beku di Senai, Johor yang diserbu pihak berkuasa pada awal Disember tahun lalu.

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sedia memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan terhadap pegawai dan anggota jabatan itu berhubung isu kartel daging sejuk beku.

Timbalan Ketua Pengarah Maqis, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar berkata, pihaknya juga bersedia membantu menyalurkan maklumat mengenainya.

“Di peringkat jabatan, apa juga siasatan yang dijalankan terhadap pihak kami (Maqis), kita akan bantu dan kita tidak ada halangan.

“Kita juga salurkan maklumat kepada SPRM dan saya tegaskan sama sekali tidak mahu ada pegawai dan ang-

KARTEL DAGING

gota saya bersekongkol dengan kartel ini,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Tegasnya, beliau tidak akan melindungi mana-mana pegawai dan anggotanya sekiranya didapati terlibat dalam kes berkenaan.

Tambahnya, beliau percaya SPRM akan menjalankan siasatan dengan adil.

Terdahulu, dua pegawai Maqis Johor direman lima hari bermula Khamis lalu bagi membantu siasatan kes sindiket kartel daging sejuk beku import.

Mengulas berkenaan tindakan pihaknya bagi membanteras kegiatan kartel pengedaran daging sejuk beku, Azhari berkata, siasatan dan pemantauan masih dijalankan.



FUNGSI agensi-agensi yang mengawal aspek halal masih lemah. - GAMBAR HIASAN

Tambah baik prosedur import barang halal

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini, kita dikejutkan dengan isu kartel yang mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualiti sehingga mengundang kemarahan rakyat beragama Islam.

Dari satu segi, kita bersyukur kerana umat Islam di Malaysia sangat peka dengan isu-isu halal kerana ia melibatkan makanan yang menjadi darah daging. Namun, menuduh dan menghukum satu-satu pihak bukan kaedah penyelesaian terbaik.

Tumpuan sepatutnya adalah menambah baik rantaian bekalan halal. Pada masa sekarang, fungsi agensi-agensi yang mengawal import dan eksport masih lemah.

Penguatkuasaan aktiviti perdagangan halal ini tidak terletak sepenuhnya dalam bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) kerana ia hanya dipertanggungjawabkan untuk menyemak sijil halal daging import.

Penguatkuasaan ini perlu diperkukuhkan lagi melalui lantikan agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau agensi yang mempunyai kapasiti pengetahuan dan pengalaman khusus dalam mengawal produk halal di sempadan serta pintu masuk lain.

Ia dilihat selaras dengan pindaan Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang turut memperluaskan bidang kuasa pegawai Jakim dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengusaha yang menyalahgunakan logo halal melalui kad kuasa yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berbanding hanya menjadi saksi sebelum pindaan APD 2011 dilakukan.

Bagaimanapun, bagi melengkapkan

lagi kuasa Jakim dalam melaksanakan sistem halal yang holistik, cekap dan berkesan, sudah tiba masanya akta halal digubal untuk penambahbaikan prosedur dan polisi kemasukan barangan halal yang boleh digunakan sebagai rujukan operasi. Kewujudan akta berkenaan akan membolehkan Jakim menetapkan prosedur dan polisi import barangan halal.

Dalam pada itu, sejak 2009, tiada pertambahan staf dalam Bahagian Pengurusan Halal Jakim. Untuk meningkatkan kawalan kemasukan barangan halal, Jakim memerlukan penambahan bilangan kakitangan.

Langkah penambahbaikan lain ialah sekiranya barang halal tidak ada dalam kod tarif kastam, kita perlu meletakkan keperluan syarat-syarat kepada pengimport untuk mengikrarkan barang halal seperti yang dilakukan kepada barang mudah rosak (*fragile*).

Satu lagi kelemahan yang dikesan adalah pemeriksaan fizikal dan operasi pengesanan kandungan barangan import halal juga tidak dapat dilaksanakan di sempadan. Ini adalah disebabkan oleh ketiadaan fasiliti untuk mengesan dan membezakan barang makanan halal atau haram yang memasuki negara kita. Ini sudah tentu menyukarkan pelaksanaan kawalan barangan halal kepada agensi-agensi sedia ada.

Kemudahan pengasingan barangan ini penting kerana mengikut undang-undang, tiada halangan untuk membawa barang tidak halal masuk ke Malaysia kecuali barangan larangan yang disekat untuk keluar dari dan masuk ke negara ini.

PROF. MADYA DR. HARLINA SUZANA JAAFAR & NOR BAKHRIAH SARBANI
Pusat Pengurusan Halal dan Inovasi Perniagaan
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Pasar Mini NEKMart di Taman Wahyu dilancar

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada Selasa melancarkan Pasar Mini NEKMart hasil inisiatif Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

Program jualan ikan segar di Taman Wahyu itu telah menarik minat pelanggan dari Lembah Klang termasuk penduduk sekitar Shah Alam, Bangi, Putrajaya, Rawang dan Cheras.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, jualan ikan segar yang bermula pada 17 Mac tahun lalu mendapat sambutan yang menggalakkan.

“Kita harap Pasar Mini NEKMart ini dapat membantu usahawan bimbingan MAFI dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) terutama persatuan nelayan dan kawasan, usahawan bumiputera dan Industri

Kecil Sederhana (IKS) yang turut terjejas akibat pandemik Covid-19.

“Pasar mini NEKMart ini bukan sahaja membantu usahawan untuk menjual produk makanan malah berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran produk mereka,” katanya ketika pelancaran pasar mini berkenaan di Kompleks Bilik Sejuk Beku Nekmat Taman Wahyu.



Ahmad Hamzah (tengah) menunjukkan isyarat bagus ketika lawatannya di Pasar Mini NEKMart Taman Wahyu pada Selasa.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Menurut Ronald, pelancaran pasar berkenaan merupakan satu inisiatif dan langkah ke hadapan Nekmat bagi memudahkan pelanggan mendapatkan keperluan makanan harian.

Ronald berkata, MAFI memainkan peranan penting memastikan kesinambungan bekalan makanan negara kekal terjamin sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

14/1/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Bangkit usaha tanam terung

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR : Pandemik Covid-19 yang berlarutan sejak hampir setahun lalu memberi kesan kepada sesiapa sahaja termasuk mereka yang hilang punca pendapatan serta pekerjaan.

Bagi dua sahabat baik, Mohd. Aizuiddin Alias, 35, dan Azrin Baharom, 35, berdepan detik sukar kehilangan kerja di salah sebuah syarikat swasta pada April lalu tidak mematahkan semangat mereka untuk terus bangkit meneruskan kehidupan dengan mengambil inisiatif mengusahakan tanaman terung di Batu 2, Jalan Kaki Bukit di sini sejak Julai lalu.

Bermodalkan wang simpanan sebanyak RM10,000, mereka mengambil langkah, menyewa sebidang lot tanah sebesar 0.5 hektar di kawasan tersebut seterusnya mengusahakan tanaman terung secara fertigasi atau sistematis.

Berkat kesabaran, selain tidak mengenai erti putus asa,

sekali tuai sebanyak 150 kilogram.

Bapa kepada seorang anak berusia lima tahun itu berkata, dia dan rakannya bercadang memperluaskan tanaman tersebut dalam tempoh terdekat selepas mendapat permintaan yang cukup tinggi dari pemborong serta para pemiaga sekitar negeri ini.

"Alhamdulillah, berkat usaha dan tidak mengena erti putus asa, kami mampu menjana pendapatan baharu selepas hilang sumber pendapatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Azrin pula berkata, antara cabaran utama tanaman tersebut adalah disebabkan serangan serangga perosak serta faktor cuaca yang tidak menentu.

"Setiap hari kami ke kawasan tanaman untuk proses pemangkasan pokok, kawalan rumput, menabur baja dan kawalan serangga perosak. Proses tersebut memerlukan ketelitian bagi mendapatkan hasil yang berkualiti," ujarnya.



DUA sahabat baik Mohd. Aizuiddin Alias (kiri) dan Azrin Baharom mengusahakan tanaman terung di kawasan seluas 0.5 hektar di Batu 2, Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

dua sahabat baik itu kini mampu menjana pendapatan sehingga RM6,000 sebulan hasil jualan terung tersebut.

Mohd. Aizuiddin berkata, sebanyak dua tan terung berjaya dituai dalam tempoh sebulan dengan proses memetik sayuran itu adalah

sebanyak tiga kali seminggu. Katanya, pada peringkat awal ini, mereka menanam sebanyak 1,300 pokok terung dengan